

ONSA 2025 langkah bendung eksploitasi seksual kanak-kanak

Kuala Lumpur: Lambakan kandungan eksploitasi seksual kanak-kanak (CSAM) bukan sekadar jenayah digital tersembunyi, malah meninggalkan kesan psikologi berpanjangan yang mampu mengganggu pembentukan identiti dan kesejahteraan emosi mangsa sehingga dewasa.

Akta Keselamatan Dalam Talian 2025 (ONSA) yang berkuat kuasa kelmarin, menandakan peralihan tanggungjawab kawal selia yang diperlukan bagi memastikan pencegahan eksploitasi tidak lagi dipikul oleh mangsa atau ibu bapa semata-mata, sebaliknya dipertanggungjawabkan kepada penyedia platform digital.

Pensyarah Kanan Jabatan Pembangunan Manusia dan Pengajian Keluarga Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr Nellie Ismail, berkata ONSA adalah instrumen mengiktiraf keperluan mengekang pengedaran semula kandungan eksploitasi melalui akauntabiliti platform dengan memastikan langkah pencegahan dan respons segera dilaksanakan secara proaktif.

Katanya, walaupun peranan ibu bapa kekal sebagai lapisan keselamatan pertama kepada ka-

nak-kanak, sokongan berstruktur seperti ONSA amat diperlukan dan pelaksanaan akta itu tepat pada masanya kerana tanggungjawab mencegah eksploitasi tidak boleh hanya bergantung pada peringkat pengguna tetapi harus dipikul oleh platform yang menguasai reka bentuk dan aliran kandungan.

“Kanak-kanak tidak mempunyai kematangan kognitif dan emosi untuk melindungi diri dalam persekitaran digital yang kompleks dan meletakkan beban itu kepada mereka atau ibu bapa sahaja adalah tidak realistik serta berisiko.

“Kanak-kanak lebih terdedah kepada *grooming* apabila wujud keperluan emosi yang tidak dipenuhi, kesunyian, kurang pengawasan dan pendedahan awal tanpa literasi keselamatan, sekali gus menjadikan reka bentuk selamat serta pengesanan awal oleh platform sebagai keperluan wajib dan bukan pilihan,” katanya.

Platform yang benar-benar selamat perlu merangkumi pencegahan awal, pemantauan algoritma beretika, tindak balas pantas dan laluan sokongan jelas supaya

“Pelaksanaan akta itu tepat pada masanya kerana tanggungjawab mencegah eksploitasi tidak boleh hanya bergantung pada peringkat pengguna tetapi harus dipikul platform yang menguasai reka bentuk dan aliran kandungan”

Nellie Ismail,
Pensyarah Kanan
Jabatan
Pembangunan
Manusia dan
Pengajian Keluarga
UPM



pelaksanaan ONSA 2025 dapat melangkaui aspek teknikal dengan mengurangkan pendedahan semula kepada kandungan trauma dan memudahkan akses

kepada bantuan profesional.

Menurut pakar psikologi perkembangan kanak-kanak dan remaja UPM itu, pendedahan berulang terhadap kandungan yang menonjolkan tubuh kanak-kanak walaupun tanpa unsur seksual boleh menormalisasikan seksualisasi awal dan mengganggu pembentukan imej diri serta sempadan tubuh, sekali gus mengukuhkan keperluan ONSA untuk memastikan algoritma media sosial tidak hanya mengejar keterbitan pengguna, tetapi turut melindungi perkembangan psikologi mereka.

ONSA menetapkan tanggungjawab dan obligasi ke atas penyedia perkhidmatan berlesen di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998, termasuk penyedia perkhidmatan pesanan Internet serta media sosial bagi mengurus kandungan berisiko membabitkan CSAM, kandungan lucah dan sumbang serta kandungan berkaitan kemudaratannya diri.

Data Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) menunjukkan, sebanyak 82,076 kandungan tidak senonoh atau sumbang telah diturunkan bagi tempoh antara ta-

hun 2022 hingga 1 Julai lalu, manakala 957 kandungan memudartakan melibatkan kanak-kanak turut diturunkan bagi tempoh antara 1 Januari hingga 30 November lalu.

Timbalan Pengarah Urusan (Pembangunan) MCMC, Eneng Faridah Iskandar, berkata ONSA memperuntukkan tanggungjawab jelas kepada penyedia platform digital untuk menjamin keselamatan pengguna dengan ketutamaan diberikan kepada perlindungan kanak-kanak serta pencegahan penyebaran kandungan CSAM.

Di bawah akta itu, platform itu tidak boleh lagi bergantung sepenuhnya kepada pelaporan pengguna, sebaliknya perlu mengesan dan menurunkan kandungan memudartakan secara proaktif, termasuk bahan eksploitasi seksual dan pemangsa dalam talian.

“Platform mempunyai kawalan terbesar terhadap sistem dan kandungan mereka, maka dengan ONSA tanggungjawab melindungi pengguna khususnya kanak-kanak agar kandungan memudartakan tidak terlepas daripada radar,” katanya.